

18/09/2002

Umat maju jika patuhi ajaran agama

Kadir Dikoh; Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Selasa - Umat Islam boleh menjadi satu bangsa yang maju, terpelajar dan mampu mencipta peralatan peperangan dan pertahanan jika mereka berpegang kepada ajaran Islam sebenar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, amat malang sekali apabila ada orang Islam hendak memajukan negara Islam itu sendiri, akan muncul golongan yang cuba menghalang, memusuhi sesama sendiri dan sanggup bersekongkol dengan musuh Islam.

"Orang seperti ini mencarut, memaki hamun, melempar fitnah, semuanya bertentangan dengan ajaran Islam untuk menghalang orang Islam mencapai kemajuan. Kerana ini, tiada negara Islam yang maju dalam dunia sekarang.

"Kalau kita balik kepada ajaran Islam yang satu dan berpegang kepada ajaran Islam yang fundamental, tiada perpecahan antara kita. Berpegang kepada ajaran Islam yang fundamental, kita tetap menjadi satu bangsa yang baik, satu bangsa yang bersatu padu, satu bangsa terpelajar, satu bangsa yang mampu mempertahankan umat Islam di negara-negara lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis dialog selepas menyampaikan ucapan pada seminar kebangsaan Memahami Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam, di sini hari ini.

Salah seorang peserta seminar itu bertanya kenapa di Malaysia ini peranan parti pembangkang lebih mirip kepada merosakkan hati rakyat daripada membina masyarakat.

Dr Mahathir berkata, parti pembangkang sebenarnya menyalah tafsirkan agama Islam untuk mendapat pengaruh kerana sedar mereka tidak akan mendapat sokongan daripada ajaran Islam yang sebenar.

"Mereka tidak dapat memenangi sokongan kalau diasaskan pada ajaran yang sebenar. Oleh kerana itu mereka mula salah tafsir agama supaya orang akan terpengaruh terutama mereka yang mungkin tidak begitu faham dengan ajaran Islam yang sebenar," katanya.

Katanya, Islam tidak sekali-kali menyeru umatnya memusuhi orang Islam yang lain tetapi ini dilakukan oleh pihak pembangkang untuk tujuan politik mereka.

Beliau berkata, ketika Malaysia diperintah oleh Britain, orang Melayu tidak berpecah, sebaliknya mereka berpegang kepada Islam mengikut ajaran yang sebenar.

"Guru-guru mengajar agama Islam tanpa ada mirip kepada politik tetapi apabila kita menjadi negara demokratik dan kita percaya bahawa rakyat tentulah akan memilih orang yang terbaik untuk mewakili mereka, maka muncullah golongan ini yang nampak peluang untuk mendapat sesuatu bagi diri mereka.

"Mereka memilih untuk menggunakan, memperalatkan agama Islam sebagai daya penarik untuk mereka merebut tempat sebagai wakil rakyat, ahli yang berhormat dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir berkata, pembangkang sedar jika mereka menggunakan Islam berdasarkan ajaran yang sebenar, mereka tidak dapat memecahkan orang Islam dan oleh itu mereka tidak boleh menang dalam pilihan raya.

"Parti pembangkang memutar belitkan Islam sehinggakan benda yang tak baik diutamakan," katanya.

Beliau berkata adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menerangkan kepada mereka yang telah tertipu oleh pembangkang ini supaya kembali kepada jemaah Islam yang sebenar.

Katanya, apabila orang Barat mengatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang sederhana, beliau menerangkan kepada mereka bahawa Malaysia sebenarnya negara Islam yang berpegang kepada ajaran Islam yang fundamental.

Menjawab satu lagi soalan peserta, Dr Mahathir berkata, pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam tidak memerlukan pindaan Perlembagaan atau diwujudkan undang-undang khusus.

"Tidak perlu ada kontroversi apabila saya mengisytiharkan bahawa Malaysia adalah negara Islam. Kita tidak berniat untuk menukar apa-apa. Hanya kerana saya mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam, parti DAP berpendapat isu ini boleh dipermainkan, itu saja.

"Ini untuk menimbulkan perasaan serba salah di kalangan MCA... kenapakah mereka bekerjasama dengan Umno sedangkan Umno telah mendirikan negara Islam. Itu tujuan politik (DAP), tidak ada perubahan apa-apa...cuma (Lim) Kit Siang tak ada modal," katanya.